

**Kerajaan Pusat Akan Bina 9,999 Rumah Di Pulau Pinang - Najib Bernama**  
**1 Mei, 2013**

GEORGE TOWN, 1 Mei (Bernama) -- Bagi memberi keselesaan kepada rakyat Pulau Pinang, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan kerajaan Pusat akan membina 9,999 rumah kos sederhana rendah dan mampu milik di tiga kawasan di negeri itu.

Katanya kerajaan Persekutuan melalui 1Malaysia Development Bhd (1MDB) telah menandatangani perjanjian untuk membeli tanah bagi membina 2,222 rumah kos sederhana rendah dan 1,111 rumah mampu milik, masing-masing di Air Putih, Air Itam dan Paya Terubong, yang lengkap dengan pelbagai kemudahan rekreasi.

"Dalam lawatan saya ke Pulau Pinang baru-baru ini, saya berjanji untuk menyediakan 20,000 unit rumah mampu milik kepada rakyat negeri ini. Kini, kita akan membina kira-kira 10,000 unit rumah mampu milik di lokasi-lokasi strategik di Pulau Pinang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 50,000 warga Pulau Pinang pada majlis ramah mesra perdana menteri bersama rakyat di Padang Unit Simpanan Persekutuan (FRU) di sini Selasa malam.

Turut hadir isteri beliau Datin Seri Rosmah Mansor, bekas perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang Teng Chang Yeow.

Selain itu, Najib berkata mereka yang tinggal di 962 rumah satu bilik di Kampung Melayu, akan diberi rumah baharu tiga bilik yang merupakan sebahagian daripada pembangunan perumahan mampu milik di Air Itam.

Perdana Menteri berkata di Padang Tembak, tanah FRU akan digabungkan dengan tanah tapak rumah pangsa Padang Tembak sekarang, untuk pembinaan 4,800 rumah kos sederhana rendah baharu dengan kemudahan rekreasi yang lebih banyak.

Penghuni rumah pangsa Padang Tembak sedia ada akan memiliki rumah baharu dengan ruang yang lebih luas dan selesa. Rumah baharu ini dua kali ganda lebih besar daripada rumah sekarang, katanya.

"Jika mereka yang tinggal di unit seluas 300 kaki persegi, mereka akan berpindah ke rumah yang lebih besar seluas 700 kaki persegi dan jika mereka tinggal di unit bersaiz 400 kaki persegi, mereka akan berpindah ke rumah bersaiz dua kali ganda iaitu 800 kaki persegi.

"Inilah komitmen kerajaan Barisan Nasional melalui 1MDB agar rakyat Pulau Pinang memiliki rumah yang lebih selesa memandangkan masalah besar rakyat Pulau Pinang kini ialah kurangnya rumah-rumah yang dibina dalam lingkungan harga mampu milik," kata Perdana Menteri.

Najib berkata pada masa ini, kebanyakan rumah yang dibina di Pulau Pinang berharga lebih RM700,000, dan ramai penduduk tidak mampu memiliki rumah sendiri.

Malangnya pakatan menyatakan mereka akan menutup 1MDB jika berkuasa di negara ini, sedangkan institusi berkenaan banyak membela rakyat.

"Sebab itu dalam aku janji BN...dalam tempoh lima tahun akan datang, kita akan bina

sejuta rumah mampu milik di seluruh negara (sedangkan) pakatan hanya akan bina 150,000 unit rumah. Itu pun, berapa yang mereka nak bina?," katanya.

Najib turut mempersoal tindakan kerajaan Pulau Pinang membina terowong dasar laut sedangkan masalah perumahan merupakan isu besar yang dihadapi penduduk negeri ini.

"Kalau Barisan Nasional menang (dan memerintah Pulau Pinang), kita akan mansuh projek terowong ini. Proses pembinaan terowong ini tidak telus dan dibuat secara terburu-buru," katanya.

Dalam pada itu, Najib berkata hanya kerajaan BN yang boleh menjamin keamanan, kestabilan dan mampu memacu negara ke tahap lebih berjaya pada masa depan melalui program transformasi nasional.

Beliau berkata jika rakyat negeri ini mahukan transformasi, mereka perlu memberi sokongan kepada BN pada pilihan raya kali ini kerana parti gabungan itu mampu membawa perubahan besar dalam lanskap pembangunan Pulau Pinang.

"Semua ini boleh dirunding (termasuk masalah rakyat) dengan kerajaan Pusat, dengan syarat rakyat Pulau Pinang tunjukkan ketelusan.

"Sebab itu pilihan raya kali ini, banyak perkara yang menjadi perhitungan. Tetapi percayalah, kerajaan BN mampu membela rakyat Pulau Pinang dan Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan BN adalah kerajaan yang apabila membuat janji, akan ditepati sedangkan janji pakatan rakyat adalah janji kosong.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat Pulau Pinang memberi sokongan kepada calon BN kerana mereka adalah pemimpin yang berwibawa dan mampu membawa perubahan ke negeri ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946568>